

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)**SISTEM PERCERAIAN ONLINE DI MAHKAMAH RENDAH  
SYARIAH IPOH PERAK***ONLINE DIVORCE SYSTEM IN IPOH PERAK SYARIAH SUBORDINATE COURT*Che Maryam Ahmad<sup>1\*</sup>, Nursalsabila Shamsul Azhar<sup>2</sup><sup>1</sup> Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Email: cyam@ukm.edu.my<sup>2</sup> Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Email: salsabila41196@gmail.com

\* Corresponding Author

**Article Info:****Article history:**

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 17.12.2023

Published date: 26.12.2023

**To cite this document:**Ahmad, C. M., & Azhar, N. S. (2023). Sistem Perceraian Online Di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (34), 178-188.

DOI: 10.35631/IJLGC.834013

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Statistik dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak (JKSPk) merekodkan kadar trend peningkatan permohonan kes perceraian bagi pasangan beragama Islam di negeri Perak. Trend perceraian ini bukan suatu yang asing di Malaysia dan perkara ini juga telah mendorong kepada isu kelewatan penyelesaian kes perceraian sehingga ke tahap penangguhan kes. Justeru, JKSPk telah memperkenalkan sistem perceraian secara dalam talian atau lebih dikenali sebagai sistem *MySolve* pada penghujung tahun 2016 sebagai alternatif penyelesaian isu yang berbangkit. Kajian awal mendapati bahawa negeri Perak merupakan negeri pertama yang memperkenalkan sistem perceraian secara online ini. Perceraian melalui sistem *MySolve* merupakan inovasi atau penambahbaikan bagi permohonan perceraian secara persetujuan bersama di bawah Seksyen 47 dan permohonan bagi pengesahan lafaz cerai Seksyen 57, Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti proses perlaksanaan, pencapaian dan cabaran sistem perceraian online yang diaplikasikan di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh, Perak sejak tempoh melebihi 6 tahun diperkenalkan. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang memerlukan kepada analisis dokumen dan temubual secara separa struktur bagi perolehan data. Hasil kajian dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem *MySolve* adalah satu sistem yang relevan dan kekal digunapakai sehingga tempoh kini. Pencapaian lain bagi sistem ini adalah ianya juga kekal relevan diteruskan semasa tempoh darurat pandemik Covid-19 dan membantu mempercepat serta memudahkan urusan pelanggan. Walau bagaimanapun, sistem *MySolve* ini kurang diketahui oleh masyarakat awam dan realiti persepsi negatif orang awam terhadap sistem cerai online merupakan di antara cabaran yang dilalui oleh JKSPk. Hasil kajian ini boleh menyumbang kepada penambahan sumber rujukan baharu kepada

ahli akademik dan bahan bacaan umum berkaitan kaedah perceraian ekspres di negeri Perak.

**Kata Kunci:**

Perceraian; Online; MySolve; JKSPk; Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004.

**Abstract:**

Statistics from the Perak Syariah Judiciary Department (JKSPk) recorded the trend of increasing divorce applications for muslim couples in the state of Perak. This trend of divorce is not a foreign one in Malaysia and also led to the issue of delay in the settlement of divorce cases to the point of delaying the case. Thus, JKSPk has introduced an online divorce system or better known as the MySolve system at the end of 2016 as an alternative to the resolution of the issue. Preliminary studies have found that Perak was the first state to introduce this online divorce system. Divorce through the MySolve system is an innovation or improvement for divorce applications by mutual consent under Section 47 and application for confirmation of divorce of Section 57, Islamic Family Law (Perak) Enactment 2004. The objective of this study is to identify the implementation process, achievements and challenges of the online divorce system that has been applied in the Syariah Lower Court in Ipoh, Perak since it was introduced more than 6 years ago. This study is a qualitative study that requires document analysis and semi-structured interviews for data acquisition. The results of the study were analysed using descriptive methods. The findings of the study show that the MySolve system is a relevant system that remains in use until now. Another achievement of this system is that it also remains relevant during the emergency period of the Covid-19 pandemic and helps simplify customer affairs. However, the MySolve system is not well known by the general public and the reality of the public's negative perception of the online divorce system is one of the challenges faced by JKSPk. The results of this study can contribute to the addition of new reference sources for academics and general reading materials related to the express divorce method in the state of Perak.

**Keywords:**

Divorce; Online; MySolve; JKSPk; Islamic Family Law (Perak) Enactment 2004.

## Pengenalan

Sekitar tahun 1990an, kredibiliti mahkamah syariah sebagai sebuah institusi yang memberikan keadilan kepada pihak-pihak telah tercabar. Perkara ini berlaku apabila sistem pengurusan dan pentadbiran institusi ini dikatakan kurang efisien, sistematik dan dilabel sebagai kelas kedua dalam menyelesaikan kes di mahkamah syariah terutama yang melibatkan perceraian (Abdullah, 2009). Oleh itu, kredibiliti dan imej mahkamah syariah sedikit terjejas apabila isu ini menjadi topik perbualan hangat dan tersebar melalui media massa, akhbar tempatan serta siaran radio. Tiada penyelesaian dan sistem yang efektif dalam menyelesaikan kes-kes yang didaftarkan mengakibatkan masyarakat kurang bergantung dan memberikan kepercayaan kepada institusi ini.

Selain itu, realiti trend perceraian dalam kalangan pasangan beragama Islam merupakan isu yang berlaku di setiap negeri tidak terkecuali di negeri Perak dan ini bukan suatu perkara yang baharu. Jabatan Perangkaan Malaysia telah merekodkan bahawa kadar permohonan perceraian

dicatatkan lebih tinggi berbanding kadar permohonan perkahwinan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Oleh itu, peratusan bagi kes perceraian di setiap negeri akan sedikit tinggi berbanding peratusan perkahwinan. Statistik kadar kes perceraian yang direkodkan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) menunjukkan bahawa terdapat peningkatan jumlah kes di negeri Perak pada setiap tahun. Statistik pada tahun 2015 merekodkan jumlah kes hanya bermula sebanyak 2,251 kes dan diikuti sedikit jumlah penurunan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 2,026 kes. Namun, statistik kes perceraian ini direkodkan terus meningkat sehingga 3,617 kes pada tahun 2019 (Jabatan Agama Islam Perak, 2019). Sekitar tahun 2020 hingga 2021, Negeri Perak merupakan di antara negeri yang telah menyumbang kepada jumlah peningkatan kadar peratusan kes perceraian semasa tempoh darurat pandemik Covid-19 iaitu sebanyak 12% bersamaan 5,921 kes. Ini juga bermakna sebanyak 450 jumlah pasangan direkodkan telah bercerai setiap bulan pada tahun tersebut (Parzi, 2021). Pihak-pihak kini lebih cenderung memilih penyelesaian dengan jalan perceraian berbanding menyelamatkan perkahwinan. Justeru, pengurusan penyelesaian kes yang sistematik sangat diperlukan supaya isu-isu yang berbangkit seperti isu kelewatan dan penangguhan kes-kes perceraian dapat ditangani serta diurus dengan baik.

Bagi mengekang realiti tohmahan negatif masyarakat terhadap permasalahan yang berbangkit, pada penghujung tahun 2015, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak selepas ini disebut sebagai JKSPk telah mengambil inisiatif dengan menambahbaik sistem pengurusan kes permohonan perceraian di bawah Seksyen 47, permohonan perceraian dengan talak atau secara persetujuan bersama dan Seksyen 57, pengesahan lafaz cerai, Enakmen Undang Keluarga Islam (Perak) 2004. Sistem ini merupakan sistem permohonan perceraian online yang dikenali sebagai sistem *MySolve* yang bertujuan untuk memudahkan urusan permohonan perceraian pasangan di negeri Perak. Sistem ini juga bertindak bagi memenuhi kehendak pelanggan yang menginginkan kes perceraian mereka diselesaikan dengan kadar pantas. Transformasi yang diimplementasi ini merupakan inisiatif JKSPk dalam memendekkan prosedur lama yang sedia ada kepada penyelesaian yang lebih singkat dan efisien (Bakar, 2016).

Meskipun begitu, kekurangan data dan kajian oleh pengkaji yang lepas terhadap inovasi ini menyukarkan penyelidik untuk mengenal pasti status penggunaan sistem ini sehingga tempoh kini. Data kajian berkaitan kelebihan dan keistimewaan sistem ini juga kurang dikaji oleh pengkaji yang lepas. Justeru, kertas kerja ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti pelaksanaan sistem *MySolve* di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh, Perak. Pencapaian dan cabaran pelaksanaan bagi sistem ini juga akan diteliti oleh penyelidik bagi memastikan inovasi ini masih kekal dan digunapakai sehingga tempoh kini.

### **Metodologi Kajian**

Berawi (2017) mendefinisikan kajian kualitatif sebagai kajian yang menggunakan kaedah pemerhatian, analisis dokumen, temubual dan lain-lain untuk memperolehi data yang lengkap. Reka bentuk kajian ini merupakan analisis kandungan. Analisis kandungan oleh (Krippendorff, 2004) merupakan satu teknik kajian bagi membuat kesimpulan. Bentuk analisis adalah merujuk kepada bahan-bahan media cetak seperti akhbar, majalah, kitab, laporan dan lain-lain. Bahan-bahan elektronik termasuk filem, drama, rancangan atau dokumentari televisyen, siaran radio dan sebagainya. Justeru, analisis kandungan yang dilakukan dalam kajian ini telah merujuk kepada buku, artikel jurnal, sistem *MySolve*, fail kes, laporan harian dan carta alir prosedur sistem *MySolve* bagi membantu penyelidik mengenalpasti status keaktifan sistem ini.

Seterusnya, melalui kaedah ini juga pencapaian dan cabaran sistem ini dapat dikenal pasti dan diperincikan dengan lebih lanjut.

Tambahan, dapatan data temubual informan secara separa struktur yang melibatkan 2 individu iaitu Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah adalah bagi membantu mengesahkan data analisis dokumen. Data temubual ini berfungsi untuk mengukuhkan penemuan data analisis dokumen yang dilakukan penyelidik. Kemudian, hasil kajian berikut dianalisis menggunakan kaedah deskriptif yang merujuk kepada fenomena semasa yang berlaku bersesuaian dengan skop kajian penyelidik.

### **Pelaksanaan Sistem Perceraian Online *MySolve* di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh**

Pembubaran perkahwinan atau lebih dikenali sebagai perceraian merupakan jalan penyelesaian terakhir bagi pasangan yang berada dalam tempoh *syiqaq* berpanjangan sehingga membawa kepada kemudaratkan dalam ikatan perkahwinan. Berdasarkan Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004, terdapat beberapa kaedah permohonan perceraian yang boleh dimohon oleh pihak plaintif seperti permohonan perceraian secara talak, fasakh, *li'an* atau zihar. Walau bagaimanapun, kajian ini mengkhususkan penelitian di bawah Seksyen 47 dan Seksyen 57 iaitu permohonan perceraian secara talak atau persetujuan bersama dan pengesahan lafaz cerai, Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 (Enakmen Keluarga Islam (Perak) , 2004).

Perceraian terutama permohonan kes di bawah Seksyen 47, perceraian secara talak dan Seksyen 52 (fasakh), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di kebanyakan negeri kebiasaannya mengambil satu tempoh yang panjang bagi proses penyelesaian (Ismail, Azmi & Yaso, 2011). Menurut Zain & Abdullah, (2018), perkara ini disebabkan oleh tiada mekanisme dan prosedur yang membantu proses permohonan perceraian tersebut dipercepatkan. Kelemahan sistem pengurusan dalam urusan pentadbiran kes dan hanya bergantung kepada prosedur lama menyebabkan isu ini berlarutan bagi suatu tempoh yang panjang. Permasalahan ini juga membawa kepada isu penangguhan kes dan lambakan kes tertangguh tidak dapat diselesaikan pada tempoh yang ditetapkan.

Bagi menangani isu yang berbangkit, JKSPk telah mengambil inisiatif dengan memperbaharui dan melakukan inovasi bagi permohonan perceraian secara persetujuan bersama, di bawah Seksyen 47 dan permohonan pengesahan lafaz cerai, Seksyen 57, Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004. Demi menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, JKSPk dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Perak telah mewujudkan sistem perceraian secara online yang pertama digunakan di Malaysia (Jabatan Kehakiman Syariah Perak, 2016). Sistem ini telah diperkenal dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2016. Sistem ini diberi nama *MySolve* dan ianya boleh diakses secara dalam talian menerusi telefon pintar serta boleh dimuat turun di *google play store* atau capaian di komputer boleh diakses melalui URL [www.mysolve.perak.gov.my](http://www.mysolve.perak.gov.my).

Inisiatif yang dilakukan oleh JKSPk ini telah mengambil kira faktor peredaran zaman dan masyarakat awam lebih dekat dengan teknologi semasa. Sistem ini membantu pelanggan membuat pendaftaran awal tanpa memerlukan kehadiran pelanggan secara fizikal ke kaunter mahkamah bagi proses pendaftaran. Jumlah kehadiran pelanggan juga dapat dihadkan dan kesesakan di kaunter mahkamah dapat diatasi menerusi kaedah yang diperkenalkan ini.

Pada peringkat awal pelaksanaan sistem ini, penerimaan positif dapat dilihat apabila tempoh percubaan yang melibatkan 34 pasangan dapat diselesaikan dalam kadar yang singkat dan lebih teratur. Tempoh percubaan tersebut telah merujuk dan berpandukan kepada prosedur baharu sistem *MySolve* yang telah ditambah baik. Penggunaan prosedur yang telah diinovasi tersebut melibatkan 9 daerah di seluruh negeri Perak. Walau bagaimanapun, prosedur ini tidak melanggari dan masih berpandukan kepada Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004.

Pendekatan proses perceraian di Mahkamah Syariah Negeri Perak ini sebelum ini telah bergantung sepenuhnya kepada prosedur lama yang biasa. Disebabkan oleh, prosedur lama yang digunapakai kurang efisien dan sistematik, JKSPk berusaha merangka strategi dan memperbaiki prosedur tersebut. Menurut Jasbindar (2017), reformasi prosedur yang diinovasi hanya memperuntukkan masa beberapa minit dihadapan komputer atau telefon pintar untuk dilakukan dan penyelesaian amat mudah tanpa memerlukan proses penggiliran di kaunter mahkamah yang lama.

Berdasarkan dapatan analisis dokumen borang dan aplikasi permohonan perceraian online melalui sistem *MySolve* ini, terdapat 7 proses yang perlu dilalui oleh pelanggan yang meneruskan perceraian melalui kaedah ini. Hanya beberapa proses yang penting dan diperlukan sahaja diteruskan. Dengan itu, tempoh penyelesaian kes juga telah menjadi singkat, dari tempoh 90 hari tempoh asal, berkurangan kepada hanya dalam 1 hari waktu bekerja sahaja. Justeru, berikut merupakan 7 proses yang telah dipendekkan:

1. Pendaftaran Kes

Proses pendaftaran merupakan proses yang pertama sebelum proses-proses lain yang seterusnya. Bagi permulaan kaedah ini, pelanggan boleh membuat permohonan pendaftaran dengan mengakses sistem *MySolve* seperti tertera di pautan <http://mysolve.perak.my/> secara dalam talian. Sistem ini boleh diakses menerusi perisian komputer riba atau dimuat turun melalui telefon pintar tanpa memerlukan kehadiran pelanggan secara fizikal ke kaunter mahkamah syariah. Selain itu, laman web bagi sistem *MySolve* juga telah dilengkapi dengan manual penggunaan, sistem maklumat dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum permohonan diteruskan oleh pelanggan. Justeru, perkara ini memudahkan pelanggan untuk merujuk dan mendapatkan maklumat secara lebih terperinci sebelum meneruskan permohonan.

2. Pembayaran

Seterusnya, penetapan jumlah kadar bayaran telah ditetapkan berdasarkan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (Bahagian XXIII, kos, elaun dan fi mahkamah). Proses pembayaran melalui sistem ini boleh dilakukan selepas pihak mahkamah mendaftarkan permohonan perceraian pelanggan.

3. Penjadualan kes

Berikutnya, penjadualan kes bagi kes perceraian melalui sistem *MySolve* ini tidak akan berjalan pada hari pendaftaran dilakukan. Pelanggan akan dihubungi oleh pihak mahkamah sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga hari sebaik sahaja pendaftaran dibuat. Seterusnya, pihak mahkamah akan mengisi maklumat dan membuka fail kes untuk pelanggan. Kemudian, pelanggan diminta hadir secara fizikal ke fizikal bagi meneruskan proses yang berikutnya. Secara keseluruhannya langkah-langkah dan proses ini telah dijelaskan melalui sistem tersebut bagi memberi kefahaman kepada pelanggan untuk berurusan.

4. Prosiding Perbicaraan  
Proses sebutan dan perbicaraan bagi perceraian melalui sistem online ini dijalankan pada hari yang sama setelah kes didaftarkan. Proses sebutan dan perbicaraan ini mengambil masa kurang dari tempoh 3 jam 30 minit bagi prosiding tersebut. Berdasarkan dapatan analisis fail kes, majoriti kes dapat diselesaikan kurang dari tempoh yang dinyatakan.
5. Keputusan  
Proses Keputusan juga diputuskan oleh Hakim Syarie pada hari yang sama kes dijalankan. Bagi proses ini, pelanggan hanya memperuntukkan masa selama 30 minit bagi tempoh keputusan diputuskan.
6. Penyediaan Deraf Perintah dan Perintah  
Berikutnya, penyediaan deraf perintah akan dilakukan oleh pembantu syariah setelah keputusan diputuskan oleh hakim syarie. Kemudian, perintah bersih akan disemak dan dimeterai oleh Hakim Syarie. Walau bagaimanapun, perintah bersih hanya akan dijana dan diserahkan kepada pelanggan selepas tempoh 14 hari seperti yang termaktub di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004.
7. Kes Selesai  
Berdasarkan penelitian menyelidik, tempoh penyelesaian bagi keseluruhan proses hanya memperuntukkan masa kurang dari tempoh 1 hari. Pelanggan hanya memperuntukkan tempoh 1 hari untuk menyelesaikan permohonan kes perceraian.

Sebelum inovasi ini diimplementasi di seluruh negeri Perak, proses penelitian dan pengkajian yang panjang telah dilakukan terlebih dahulu. Sistem yang menggunakan peranti teknologi semasa ini membuktikan bahawa mahkamah syariah tidak pernah ketinggalan dari sudut perkembangan semasa. Hal ini juga telah membuktikan bahawa institusi kehakiman Syariah di Malaysia mampu bergerak seiring dengan kemajuan dan peredaran zaman (Muhammad & Salam, 2019).

Secara keseluruhannya, perjalanan proses perceraian melalui sistem online kini lebih lancar dan pelanggan juga tidak perlu berulang alik bagi melengkapkan proses perceraian seperti prosedur yang sebelumnya. Walau bagaimanapun, proses ini akan berjalan dengan lebih teratur dan baik jika kesemua pihak termasuk pelanggan memahami serta mematuhi tujuan inovasi yang dilaksanakan.

### **Keistimewaan dan Pencapaian Pelaksanaan Sistem *MySolve* di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak**

Peringkat awal pelaksanaan sistem perceraian secara online di MRS Ipoh, Perak ini telah menunjukkan respon awal yang positif. Sistem ini disambut baik oleh masyarakat awam apabila ianya telah dipilih oleh pasangan yang bertikai untuk menyelesaikan kes perceraian mereka dengan kadar segera. Sekurang-kurangnya, sistem ini dapat membantu menangani isu dan permasalahan pihak isteri yang digantung tidak bertali hanya disebabkan oleh kelewatan penyelesaian kes perceraian secara persetujuan bersama. Keberkesanan sistem ini dapat dilihat melalui statistik permohonan yang diperolehi. Statistik yang dijana dari sistem *MySolve* pada tahun 2018 menunjukkan bahawa sebanyak 88 kes telah didaftarkan. Kadar tersebut meningkat sehingga 176 kes pada tahun 2021 (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak, 2021). Ini jelas membuktikan bahawa sistem ini masih kekal dan terus digunapakai sehingga tempoh kini.

Menurut Azizi (2016) sistem perceraian online ini juga telah membantu mengurangkan kos perbelanjaan pihak-pihak, bahagian pengurusan dan pentadbiran dan kos guaman. Kos

keuangan dan masa pelanggan dapat dijamin apabila pelanggan tidak perlu berulang alik ke mahkamah syariah bagi menyelesaikan proses perceraian. Keistimewaan sistem ini juga adalah tiada prosedur penangguhan yang dilakukan bagi permohonan perceraian. Seterusnya, kos pentadbiran seperti kos kertas dan dakwat/*ink* printer dapat dijamin apabila semua maklumat permohonan pelanggan akan dilengkapkan di dalam sistem online ini. Jika sebelum ini, kertas digunakan bagi serahan notis penangguhan, kini, prosedur sistem perceraian online tidak memerlukan kepada proses penangguhan sekaligus kos-kos tersebut dapat dijamin.

Berikutnya, dapatan temubual informan (Wahab, 2021) juga mengesahkan bahawa JKSPK sedang merancang untuk menaik taraf sistem *MySolve* kepada *MySolve* 2.0. Strategi menaiktaraf tersebut mengambil kira keberkesanan sistem pentadbiran dan pengurusan yang bertambah efektif dan sistematik setelah pelaksanaan *MySolve* 1.0. Proses menaiktaraf sistem tersebut akan melibatkan lebih banyak kes-kes lain yang dikira boleh diselesaikan dalam kadar tempoh yang singkat. Ini jelas membuktikan bahawa pencapaian sistem *MySolve* ini bergerak ke arah kemajuan yang lebih baik bagi memberikan keistimewaan dan kemudahan buat pelanggan yang berurusan dengan Mahkamah Syariah Negeri Perak. Dapatan data seterusnya akan memperincikan penggunaan sistem *MySolve* ketika tempoh pandemik Covid-19.

### **Sistem *MySolve* Relevan Digunakan Semasa Tempoh Pandemik Covid-19**

Pada 18 Mac 2020 ketika tempoh pandemik Covid-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diumumkan oleh perdana menteri Malaysia yang mengakibatkan penutupan penuh keseluruhan operasi sektor perkhidmatan awam dan swasta. Mahkamah syariah juga tidak dibenarkan untuk beroperasi. Tempoh tersebut telah menyaksikan bahawa permasalahan berkaitan isu kekeluargaan telah mencapai tahap membimbangkan. Justeru, beberapa siri perbincangan khas telah dijalankan dan permohonan melalui surat rasmi telah dihantar kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memohon kebenaran pengoperasian sektor perkhidmatan kehakiman Syariah. Dengan itu, hasil usaha tersebut, institusi kehakiman syariah telah dibenarkan untuk beroperasi dengan kadar minimum dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (Anon, 2020).

Pembukaan semula sektor perkhidmatan mahkamah syariah wajib mematuhi kaedah norma baharu dengan merujuk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa seperti menghadkan kehadiran pelanggan ke mahkamah secara fizikal, pemakaian pelitup muka, mengamalkan penjarakkan fizikal satu meter, mengimbas kod MySejahtera dan membasuh tangan menggunakan cecair pembasmi kuman sebelum memasuki premis (Anon, 2020).

Hanya beberapa kes dan negeri sahaja yang dibenarkan untuk meneruskan prosedur kes perceraian semasa tempoh pandemik menggunakan inovasi kaedah perceraian pantas yang diketengahkan sebagai contoh negeri Selangor (Mokhtar, 2021). Kaedah perceraian *fast track* di negeri Selangor yang hanya memperuntukkan masa yang singkat juga dibenar untuk diteruskan semasa tempoh darurat berlaku. Majoriti informan (Samsudin & Wahab, 2021) bersetuju dan mengesahkan bahawa sistem *MySolve* di negeri Perak ini relevan dan digunakan semasa tempoh pandemik Covid-19. Dapatan statistik pada tahun 2020 menunjukkan sebanyak 191 permohonan kes telah direkodkan melalui sistem *MySolve*. Had dan kuota yang disediakan oleh pihak Mahkamah Syariah Perak telah membataskan jumlah kehadiran pelanggan secara fizikal ke kaunter mahkamah. Justeru, dengan wujudnya sistem *MySolve* secara dalam talian tersebut membantu dan membolehkan pelanggan meneruskan kes meskipun dalam tempoh

darurat. Penggunaan sistem ini semasa tempoh darurat membuktikan bahawa JKSPk mampu menangani dan menyelesaikan isu berbangkit semasa tempoh darurat. Sistem perceraian online ini boleh dijadikan contoh kepada negeri-negeri lain yang masih belum melakukan inovasi tersebut.

Dapat disimpulkan bahawa, sistem perceraian melalui sistem *MySolve* ini masih kekal relevan dan digunapakai setelah tempoh melebihi 6 tahun sejak dari awal pelaksanaannya. Sistem ini juga memberikan kemudahan dan keistimewaan bagi pelanggan yang menetap di negeri Perak bagi penyelesaian kes perceraian secara persetujuan bersama dan pengesahan lafaz cerai dengan kadar pantas. Penyelesaian yang hanya memperuntukkan masa yang singkat dan pantas telah membenarkan permohonan kes perceraian melalui sistem online ini dapat diteruskan semasa tempoh pandemik Covid-19. Dengan itu, tempoh pandemik Covid-19 juga menjadi hikmah apabila sistem perceraian online ini menjadi sebutan kembali masyarakat awam.

### **Cabaran Pelaksanaan Sistem *MySolve* di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak**

Sistem perceraian *MySolve* ini telah mencecah tempoh melebihi 6 tahun sejak dari peringkat awal ianya dilaksanakan. Selain daripada keistimewaan dan pencapaian, cabaran pelaksanaan sistem ini juga kurang dikaji oleh penyelidik lepas. Oleh itu, terdapat beberapa cabaran yang diperincikan dalam kajian ini. Penyelidik membuat perincian seperti berikut:

1. Persepsi negatif masyarakat awam terhadap sistem *MySolve*

Realiti persepsi negatif masyarakat awam bukan suatu perkara yang baharu. Kekeliruan dan percanggahan telah berlaku pada peringkat awal pelaksanaan sistem perceraian secara dalam talian ini. Dapatan data temubual informan (Wahab, 2021) juga mengesahkan bahawa, sistem ini pernah mendapat tentangan hebat oleh Mufti Besar Perak disebabkan ianya dikatakan telah menggalakkan dan memudahkan pasangan untuk bercerai. Walau bagaimanapun, kekeliruan tersebut berjaya ditangani oleh JKSPk apabila hebahan penjelasan pelaksanaan kaedah ini masih perlu mematuhi syarat-syarat yang digariskan. Jika pihak-pihak gagal mematuhi syarat tersebut, maka kes akan terbatal dan tidak boleh diteruskan melalui jalan pantas ini. Dapatan oleh Zakaria (2016) juga menjelaskan bahawa dakwaan dan persepsi negatif masyarakat awam terhadap JKSPk dapat ditangani setelah JKSPk merungkai kesalahfahaman tersebut.

2. Sistem *MySolve* kurang dihebahkan kepada umum

Selain itu, inovasi sistem *MySolve* ini juga kurang diketahui oleh masyarakat awam. Hebahan bagi sistem ini hanya aktif dan giat dilakukan oleh JKSPk ketika peringkat awal pelaksanaannya sahaja. Akhbar digital tempatan juga banyak membantu mempromosi dan melakukan penjelasan secara tidak langsung berkaitan sistem cerai online tersebut pada awalnya. Selain itu, dapatan data dari Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada tahun 2016, Jasbindar (2017), jelas menunjukkan bahawa sehingga tempoh kini, hebahan bagi kaedah tersebut telah berkurangan. Majoriti informan (Samsudin & Wahab, 2021) bersetuju bahawa kaedah ini perlu terus diperkenalkan kerana masih terdapat masyarakat yang kurang peka dengan kemudahan yang telah diberikan. Tidak terkecuali, pihak yang berautoriti juga perlu memainkan peranan dalam kembali aktif mempromosinya semula. Alternatif menggunakan platform digital dan media massa sangat relevan bagi usaha hebahan supaya masyarakat mengetahui kewujudan inisiatif jalan pantas untuk menyelesaikan permasalahan berkaitan perceraian. Dengan itu, masyarakat akan bertindak mengambil pendekatan jalan perceraian dan tidak membiarkan status perkahwinan digantung tidak bertali.



3. Cabaran dalam menangani pihak-pihak yang kurang arif dan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan

Terdapat juga cabaran yang perlu dilalui oleh JKSPk apabila terdapat pihak-pihak yang kurang mahir dan kurang arif dengan peranti teknologi. Dalam usaha ke arah kemajuan sistem pengurusan, minoriti permasalahan seperti ini akan timbul. Oleh hal demikian, pihak JKSPk perlu bertindak adil kepada pelanggan. Dapatan data temubual informan (Wahab, 2021), pihak MRS Ipoh juga menghadapi cabaran pihak-pihak yang kurang arif menggunakan teknologi. Justeru, pelanggan boleh secara hadir ke kaunter mahkamah syariah bagi melakukan proses pendaftaran. Pihak kakitangan mahkamah akan membantu menyelesaikan isu permasalahan tersebut.

Selain itu, JKSPk juga telah menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak bagi meneruskan permohonan perceraian melalui sistem *MySolve*. Syarat-syarat yang digariskan adalah seperti berikut:

1. Dokumen yang lengkap;
2. Kehadiran kedua-dua pihak semasa proses pendaftaran;
3. Pasangan suami dan isteri perlu mencapai kata sepakat untuk bercerai;
4. Isteri perlu dalam keadaan yang suci (tidak haid dan tidak disetubuhi) dan;
5. Mahkamah berpuas hati dengan alasan perpisahan pasangan.

Walaupun bagaimanapun, kesemua informan bersetuju bahawa pihak mahkamah menghadapi cabaran dalam menangani ketidakpatuhan pelanggan terhadap syarat-syarat yang telah ditetapkan. Meskipun telah tersedia syarat yang digariskan di dalam aplikasi *MySolve*, namun isu pelanggaran tersebut masih juga timbul. Sebagai contoh, terdapat juga pasangan yang sanggup berbohong mengatakan berada dalam tempoh suci, hakikatnya perkara ini akan menimbulkan kesan bagi tempoh eddah. Dengan itu, pihak mahkamah dan JKSPk perlu lebih tegas dan peka dengan cabaran ini. Usaha dan penambahbaikan boleh dilakukan meskipun isu ketidakpatuhan ini jarang-jarang berlaku. Walaubagaimanapun, jika ianya tidak ditangani dengan kadar segera, berkemungkinan isu ini akan membawa kepada kemudaratan yang lain pada masa akan datang.

Kesimpulannya, meskipun sistem perceraian ini telah mencecah tempoh melebihi 6 tahun sejak dari awal pelaksanaannya, terdapat beberapa cabaran yang dilalui oleh pihak JKSPk dan mahkamah syariah. Walaupun cabaran ini bersifat minoriti, namun, ianya perlu ditangani dengan bijak. Dapatan data cabaran pelaksanaan perceraian secara online ini boleh dijadikan rujukan kepada negeri lain untuk mengikuti jejak langkah negeri Perak.

### Kesimpulan

Secara kesimpulannya, sistem perceraian online ini merupakan alternatif penyelesaian kes perceraian dengan kadar yang singkat dan jalan yang pantas. Sistem ini juga mampu membantu memudahkan dan menjimatkan masa pelanggan untuk berurusan. Sistem ini juga diwujudkan dengan mengambil kira rungutan pelanggan yang menginginkan penyelesaian kes perceraian yang efisien dan sistematik. Hasil penemuan data membuktikan bahawa setelah mencecah tempoh 6 tahun ianya diperkenalkan, sistem *MySolve* ini masih kekal relevan dan digunapakai di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh, Perak. Terdapat beberapa pencapaian dan keistimewaan sistem ini dan cabaran pelaksanaan sistem ini juga dapat dikenalpasti oleh penyelidik. Walaubagaimanapun, sistem ini merupakan satu kemajuan yang patut dibanggakan dan pihak

berwajib sepatutnya melakukan alternatif dalam mempromosi kemajuan yang berjaya dilakukan oleh JKSPk.

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan artikel ini. Dirakamkan juga penghargaan khas buat pihak Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas penerbitan artikel ini.

### Rujukan

- Ahmad Azizi. (2016). Brave Journal. Retrieved 2016, from Live Journal: <https://mt961013.livejournal.com/tag/cerai>
- Anon. (2020, Jun 20). Mahkamah Syariah Beroperasi Sepenuhnya Bermula Semalam. Berita Harian Online.
- Bernama. (2020). PKP : Urusan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Ditangguh, Dilaksana dalam Talian. Bernama. <https://www.malaysiakini.com/news/516692>.
- Dr. Siti Zubaidah Ismail, Dr. Ihaamie Abdul Ghani Azmi & Zulfikri Yaso. (2011). Justice Delayed is Justice Denied?: Divorce Case Management in Malaysia Shariah Court. International Conference On Management (ICM 2011) Proceeding, 977-987.
- Enakmen Keluarga Islam (Perak) . (2004). Perak: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak.
- Freddie Aziz Jasbindar . (2017, Mei 5). Negeri Perak Yang Pertama Boleh Mohon Cerai Secara Online. Orang Perak. <https://www.orangperak.com/negeri-perak-yang-pertama-boleh-mohon-cerai-secara-online.html>.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis (UUM Press). UUM Press.
- Hanifah Haydar Ali Tajuddin. (2021). Transforming & Globalising The Shari'ah Judiciary System at Malaysia. Springer Singapore.
- Jabatan Kehakiman Syariah Perak (2016). retrieved from <http://syariah.perak.gov.my/index.php/en/sistem-mysolve>
- Jabatan Agama Islam Perak. (2019). Statistik Jabatan Agama Islam Perak sehingga 2019. JAIPK. <https://jaipk.perak.gov.my/index.php/laporan-statistik>
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak. (2021). Statistik Permohonan Kes Perceraian Seksyen 47. JKSPk. <http://syariah.perak.gov.my/index.php/sistem-mysolve>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. (2015). <https://www.jakess.gov.my/>
- Krippendorff. (2004). Content Analysis: An Introduction to its Methodology (2nd ed.). Sage Publications.
- Mohamad Nasaruddin Parzi. (2021). 66,440 Pasangan Islam Daftar Cerai Sejak. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864296/66440-pasangan-islam-daftar-cerai-sejak-mac-2020>.
- Mohd Na'im Mokhtar. (2021). MACMA Webinar: Solusi dan Cabaran Rumahtangga. Perceraian dan Isu Nafkah Era Pandemik. Kuala Lumpur, Malaysia: MACMA.
- Mohd Zaidi Md Zain & Raihanah Abdullah. (2018). Tuntutan Fasakh :Kajian dari Perspektif Undang-Undang Tatacara Mal. Journal of Shariah Law Research, 3(1), 1-34.
- Mokhtar, M. N. (2021, Mei 18). Perlaksanaan Perceraian Fast Track: Kajian Perbandingan di MRS Shah Alam dan MRS Ipoh. (N. B. Azhar, Interviewer)
- Raihanah Abdullah. (2009). Penangguhan Kes di Mahkamah Syariah : Cabaran dan Penyelesaian. Jurnal Syariah, 17(1), 1-30.

- Ramizah Wan Muhammad & Khairunnasriah Abdul Salam. (2019). Achievements of Human Capital and Innovation in The Administration of Shariah Court: Aiming for an International Model. *Jurnal Syariah*, 27(1), 27-44.
- Samsudin, R. B. (2021, September 3). Pelaksanaan Perceraian Fast Track: Kajian Perbandingan di MRS Shah Alam dan MRS Ipoh. (N. B. Azhar, Interviewer)
- Wahab, M. F. (2021, Ogos 19). Pelaksanaan Perceraian Fast Track: Kajian Perbandingan di MRS Shah Alam dan MRS Ipoh. (N. B. Azhar, Interviewer)
- Zainul Rijal Abu Bakar. (2016). For Muslim In Perak, Divorce Is A Click Away. Associated Press. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/04/25/for-muslims-in-perak-divorce-is-a-click-away-online-app-a-solution-to-ease-backlog/>.
- Zakaria, D. D. (2016). Laman Rasmi YB Nizar Zakaria. Retrieved from <http://www.ybnizarzakaria.com/exco-perak-perjelas-salah-faham-aplikasi-cerai-online/>